



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang tempoh pendaftaran syarikat hendaklah masih sah sekurang-kurangnya untuk tempoh **tiga (3) bulan selepas tarikh tutup sebut harga** dan mempunyai **kemampuan kewangan** yang mencukupi serta **berpengalaman** bagi menyertai sebut harga berikut:


NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN
KWP(SBT)04/2013/PTA(KAFETARIA)	SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENGENDALIAN KAFETARIA (7 UNIT) DI ARAS BAWAH (CA), BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH, PRESINT 2, PUTRAJAYA UNTUK KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	040102 (<i>Makanan dan Minuman - tin,botol dan bungkus</i>) ; DAN 040103 (<i>Makanan Bermasak - Islam</i>)

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi/dimuat turun mulai **21 Oktober 2013 (Isnin)** secara percuma melalui laman web <http://www.kwp.gov.my>.
3. Syarikat juga **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri **TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK** Sebut Harga yang akan diadakan pada **24 Oktober 2013 (Khamis)** pada jam **2.30 petang** bertempat di **Kementerian Wilayah Persekutuan, Auditorium, Aras 1, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, Putrajaya**.
4. **Tawaran Teknikal** dan **Tawaran Kewangan** yang lengkap hendaklah **dihantar secara manual** dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri/bermetri dengan nombor sebut harga ditulis di penjuru atas kiri **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari 28 Oktober 2013 (Isnin)** iaitu tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat berikut-

KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
ARAS 3, BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH,
PRESINT 2, 62100 PUTRAJAYA.
(U.P.: SEKSYEN KEWANGAN)

5. Tawaran sebut harga yang **LEWAT DIKEMUKAKAN** tidak akan dipertimbangkan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI ALAMAT:
www.kwp.gov.my



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

DOKUMEN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENGENDALIAN KAFETARIA
(7 UNIT) DI ARAS BAWAH (CA), BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH,
PRESINT 2, PUTRAJAYA UNTUK
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

PERINGATAN PENTING

**PENYEBUT HARGA YANG SILAP MENGISI BORANG TAWARAN ATAU
MELANGGAR MANA-MANA ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT DALAM
DOKUMEN SEBUT HARGAINI TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**

**SILA BACA DAN FAHAM KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG
DALAM DOKUMEN SEBUT HARGAINI SEBELUM MEMBUAT TAWARAN**

NOTIS TAWARAN

Tuan/Puan,

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENGENDALIAN KAFETARIA (7 UNIT) DI ARAS BAWAH (CA), BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH, PRESINT 2, PUTRAJAYA UNTUK KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

No. Sebut Harga : KWP(SBT)04/2013/PTA(KAFETARIA).

Sebut Harga adalah dipelawa kepada Operator Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **kod bidang 040102 dan 040403** masih sah laku tempoh pendaftarannya untuk menyertai sebut harga ini untuk **jangka masa dua (2) tahun.**

2. Operator-Operator yang berminat diwajibkan menghadiri satu sesi taklimat pada **24 Oktober 2013 (Khamis) jam 2.30 petang** di **Auditorium, Aras 1, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, Putrajaya** dan diikuti dengan lawatan tapak. Dimaklumkan taklimat dan lawatan tapak akan diadakan sekali sahaja. Penyebut Harga yang gagal dan lewat dalam menghadiri taklimat dan lawatan tapak **adalah tidak dibenarkan sama sekali** untuk menyertai sebut harga ini.

3. Setiap cadangan sebut harga hendaklah mengandungi **Cadangan Kewangan** dan **Cadangan Teknikal** hendaklah dimasukkan ke dalam **2 sampul surat berasingan** dan ditandakan dengan betul sebagai **SAMPUL A – ‘CADANGAN TEKNIKAL’** dan **SAMPUL B – ‘CADANGAN KEWANGAN’**. Kedua-dua sampul surat itu hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang lebih besar dan dimeterai dengan rapi dan ditulis di sebelah atas kiri sampul surat “**Sebut Harga No: KWP(SBT)04/2013/PTA(KAFETARIA)**” dan dialamatkan dengan jelas kepada ;

**Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Seksyen Kewangan)**

4. Cadangan Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan, Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 PUTRAJAYA** (u.p.: **Seksyen Kewangan**) **sebelum jam 12.00 tengah hari pada 28 Oktober 2013** (**Ilsnin**).

5. Kerajaan Malaysia tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

**Unit Perolehan, Seksyen Kewangan
Kementerian Wilayah Persekutuan,
PUTRAJAYA**

DOKUMEN NO. 1

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Penyebut Harga hendaklah mengemukakan tawaran Sebut Harga untuk **Perkhidmatan Pengendalian Kafeteria (7 Unit) Di Aras CA, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.**
2. Penyebut Harga hendaklah mengemukakan tawaran menggunakan borang Sebut Harga yang diberikan dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri (*sealed*) yang dialamatkan kepada alamat seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran Sebut Harga. Borang Sebut Harga hendaklah ditandatangani dan dokumen-dokumen lain hendaklah disertakan bersama-sama Borang Sebut Harga.
3. a) Dokumen Sebut Harga berkaitan seperti dinyatakan di atas hendaklah dihantar ke alamat yang disebutkan pada atau sebelum masa yang ditetapkan di dalam surat tawaran Sebut Harga.
b) Jika Sebut Harga tersebut tidak dihantar sendiri, Penyebut Harga hendaklah memastikan supaya dokumen berkenaan jika dikirimkan melalui pos, lengkap dan sampai pada waktu dan tempat yang ditetapkan ; dan
c) Sebut Harga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan akan di **TOLAK**.
4. Sebut Harga hendaklah sah laku selama tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh penyerahan Sebut Harga seperti ditetapkan di dalam surat tawaran Sebut Harga, seseorang Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya dalam tempoh tersebut.
5. Kementerian Wilayah Persekutuan tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang tertinggi, terendah atau mana-mana Sebut Harga.
6. Penyebut Harga yang berjaya (jika ada) akan diberitahu melalui surat dalam tempoh tujuh (7) hari seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 4 di atas dan Sebut Harga hendaklah sah dalam tempoh tersebut. Penyebut Harga yang berjaya dipilih mestilah menandatangani Surat Setuju Terima, Dokumen Perjanjian dan mengemukakan **deposit sewaan bersamaan dengan tiga (3) bulan sewa dan satu bulan bayaran sewa** dalam masa yang ditetapkan di dalam borang Sebut Harga. Tempoh menandatangani perjanjian ini boleh dilanjutkan jika pegawai yang berkuasa bersetuju bahawa ada sebab-sebab munasabah untuk berbuat demikian.
7. Penyebut Harga hendaklah mematuhi Spesifikasi Dan Skop Perkhidmatan seperti dinyatakan dalam **Dokumen No.3**.

8. Keengganan mematuhi syarat-syarat di atas dan spesifikasi penyewaan akan menyebabkan Sebut Harganya ditolak.
9. Penyebut Harga boleh memberikan maklumat tambahan yang difikirkan bersesuaian untuk menguatkan lagi tawaran yang dibuat.
10. Borang Sebut Harga hendaklah lengkap diisi dan ditandatangani / dicop.
11. Penyebut Harga yang tidak mematuhi arahan-arahan di atas mungkin menyebabkan Sebut Harga mereka ditolak.

DOKUMEN NO. 2

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

1. AM

Sebut Harga ini adalah bersifat **Sebut Harga Terbuka** dibuka kepada Penyebut Harga **Bumiputera yang berpengalaman** dan mempunyai **kemampuan kewangan** yang telah berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **040102 dan 040103** bagi menjalankan **Perkhidmatan Pengendalian Kafeteria (7 Unit) Di Aras CA, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.**

- 1.1 Sebut Harga yang tidak dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga rasmi yang disediakan tidak akan dipertimbangkan.
- 1.2 Operator **DIWAJIBKAN MENGISI KESEMUA** harga makanan dan minuman seperti yang disenaraikan di Jadual Kadar Harga Makanan dan Minuman (**LAMPIRAN T1**) yang dilampirkan mengikut pemilihan gerai (No.1- No.7) bagi menjalankan urusan pengendalian kafetaria.
- 1.3 Penyebut harga **HANYA** dibenarkan untuk memilih satu gerai sahaja.
- 1.4 Selain daripada wajib mengisi tawaran harga di Dalam Jadual Kadar Harga Makanan dan Minuman (**LAMPIRAN T1**).
- 1.5 Keengganan Penyebut Harga mematuhi syarat-syarat Sebut Harga boleh menyebabkan Sebut Harganya ditolak.
- 1.6 “Penyebut Harga yang diterima” bermakna Penyebut Harga yang diluluskan oleh pegawai-pegawai penerima Sebut Harga dan Sebut Harganya mengikuti semua syarat Sebut Harga.
- 1.7 “Penyebut Harga” dalam syarat ini dimaksudkan sebagai termasuk seorang atau lebih dari seorang.

2. TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

Satu taklimat dan lawatan tapak akan diadakan kepada semua Penyebut Harga yang berminat pada **24 Oktober 2013 (Khamis) jam 2.30 petang** bertempat di **Auditorium, Aras 1, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.** Taklimat adalah **DIWAJIBKAN** dan diadakan hanya **sekali sahaja** kepada semua Penyebut Harga yang berminat mengambil bahagian. Hanya Penyebut Harga yang menghadiri taklimat ini sahaja akan dipertimbangkan.

3. TARIKH TUTUP

Sebut Harga ditutup pada **28 Oktober 2013 (Isnin)** jam **12.00 tengahari.**

4. PINDAAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Pihak Kerajaan berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh tutup penghantaran Dokumen Sebut Harga meminda Dokumen Sebut Harga dengan menyediakan *addendum* di atas apa-apa sebab atas inisiatif sendiri atau atas permintaan penjelasan daripada penyebut harga.

3. DOKUMEN SEBUT HARGA

- 3.1 Dokumen yang perlu dikemukakan ke dalam peti Sebut Harga adalah seperti berikut:

<u>SAMPUL A</u> 'CADANGAN TEKNIKAL' (Sila pastikan setiap helaian dokumen cadangan teknikal tidak ada catatan nama pemilik, nama/cop syarikat dan harga ditawarkan)	1. LAMPIRAN T1 – Jadual Harga Makanan dan Minuman
<u>SAMPUL B</u> 'CADANGAN KEWANGAN'	1. LAMPIRAN K1 – Borang Akuan Sebutharga
	2. LAMPIRAN K2 – Butir-butir Penyebutharga
	3. LAMPIRAN Q – (Kew.284 – Pin.2/94)
	4. LAMPIRAN K4 - SALINAN SIJIL PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN
SAMB.	5. LAMPIRAN K5 - SALINAN SIJIL PENDAFTARAN BUMIPUTERA DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN

SAMB.

SAMPUL B

'CADANGAN KEWANGAN'

6. LAMPIRAN K6 – PENGALAMAN PENYEBUT HARGA (Kerja-kerja yang TELAH dijalankan perkhidmatan kafeteria / penyediaan makanan bermasak / lain-lain)
7. LAMPIRAN K7 – Kerja-kerja yang SEDANG dijalankan perkhidmatan kafeteria/ penyediaan makanan bermasak / lain-lain)
8. LAMPIRAN K8 - Senarai nama kakitangan & pekerja yang dicadangkan
9. LAMPIRAN K9 - PENYATA AKAUN BANK (3 bulan terakhir : Julai, Ogos dan September 2013)
10. LAMPIRAN K10 – Maklumat Syarikat
11. LAMPIRAN K11 - PROFAIL SYARIKAT(terkini)
12. LAMPIRAN K12 - SURAT AKUAN BAGI SEBUT HARGA
13. LAMPIRAN K13 – SURAT AKUAN BERJAYA
14. LAMPIRAN K14 - Dokumen Sokongan daripada Dua (2) Jabatan/Agenzi Kerajaan

4. PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 4.1 Tawaran hendaklah **dikemukakan secara manual (hardcopy)** sebelum waktu dan tarikh tutup yang ditetapkan. **Kegagalan** Penyebut harga mengemuka **hard copy** Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan ke dalam peti sebut harga sebelum tamat tempoh yang berkenaan akan menyebabkan **tawaran ditolak**.
- 4.2 Penyebut harga hendaklah mengemukakan Cadangan Tawaran Teknikal serta Tawaran Kewangan dalam bentuk *hard copy* bersama dengan dokumen sokongan lain dan dimasukkan ke dalam 2 sampul surat berasingan '**SAMPUL A**' - **CADANGAN TEKNIKAL** dan '**SAMPUL B**' -**CADANGAN KEWANGAN**.

Sampul surat pertama ‘SAMPUL A’

Sampul pertama ini hendaklah ditandakan dengan '**SAMPUL A**' di **sudut atas sebelah kiri** dan dicatatkan dengan:

SULIT
NO. SEBUT HARGA : KWP(SBT)04/2013/PTA(KAFETARIA)
TAWARAN TEKNIKAL

Sampul surat kedua ‘SAMPUL B’

Sampul kedua ini hendaklah ditandakan dengan '**SAMPUL B**' di **sudut atas sebelah kiri** dan dicatatkan dengan:

SULIT
NO. SEBUT HARGA : KWP(SBT)04/2013/PTA(KAFETARIA)
TAWARAN KEWANGAN

- 4.3 Kedua-dua sampul surat (SAMPUL A dan SAMPUL B) ini hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang lebih besar dan dimeterai (*sealed*) dengan rapi dan ditulis di sebelah atas kiri sampul surat yang berlakri (*sealed*) dan ditanda bahagian atas sampul surat itu dengan:

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENGENDALIAN KAFETARIA
(7 UNIT) DI ARAS BAWAH (CA), BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH,
PRESINT 2, PUTRAJAYA UNTUK KEMENTERIAN WILAYAH
PERSEKUTUAN**

- 4.4 Semua Sebut harga hendaklah dialamatkan kepada:

**Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 Putrajaya
(u.p.: Seksyen Kewangan)**

- 4.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan sendiri ke **peti sebut harga** di:

**Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2,
62100 PUTRAJAYA**

- 4.6 Sebut harga yang dikirimkan melalui pos hendaklah didaftarkan dan dialamatkan kepada:

**Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Seksyen Kewangan)**

- 4.7 Penyerahan dokumen sebut harga ini hendaklah disertakan dengan satu surat litup (*covering letter*) yang mengandungi butir-butir seperti berikut:

- a. Nama syarikat, alamat, nombor telefon dan nombor faks.
- b. Nama pegawai yang diberi kuasa untuk dihubungi dan berkuasa membuat komitmen bagi pihak penyebut harga.

- 4.8 Pihak KWP tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung jika berlaku kelewatan, kehilangan atau kesulitan lain semasa Sebut Harga diposkan. Sebut Harga yang diterima **selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan**.

5. SPESIFIKASI DAN SKOP KERJA

- 5.1 Spesifikasi dan skop perkhidmatan adalah seperti yang dinyatakan di dalam **DOKUMEN NO. 3**.
- 5.2 Borang Sebut Harga yang tidak bersih / kemas, dipinda-pinda atau penentuan yang diberi dibatalkan, tidak akan diterima.

6. PEMBETULAN KESALAHAN

- 6.1 Semua jadual yang disediakan hendaklah diisi dengan mesin taip atau cetakan komputer atau tulisan tangan yang kemas dan mudah dibaca menggunakan **dakwat hitam** yang tidak luntur.
- 6.2 Segala pindaan atau pembatalan dalam borang-borang Tawaran Kewangan hendaklah ditandatangani oleh penyebut harga dan

tandatangan ini hendaklah diberi tarikh dan di cap dengan cap syarikat.
Penggunaan pemadam dakwat adalah tidak dibenarkan.

- 6.3 Jika terdapat apa-apa perbezaan dalam pengiraan di dalam Dokumen Sebut Harga ianya akan dibetulkan oleh Kerajaan seperti berikut:
- a) Jika terdapat perbezaan di antara jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.
 - b) Jika terdapat perbezaan di antara kadar unit dan jumlah yang didapati daripada pendaraban kadar unit dan bilangan, kadar unit yang dicatatkan akan diambil kira.
- 6.4 Jumlah yang dinyatakan di para 6.3(a) dan 6.3(b) Dokumen Sebut Harga akan diubah oleh Kerajaan mengikut prosedur di atas bagi pembetulan kesalahan dan penyebut harga adalah terikat pada perubahan ini.

7. PEMBIAYAAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Penyebut harga akan membiayai segala kos yang terlibat dalam penyediaan dan penghantaran Dokumen Sebut Harga. Pihak Kerajaan tidak akan bertanggungjawab di atas kos yang terlibat dalam proses penyediaan Dokumen Sebut harga.

8. DENDA

Jika Penyebut Harga yang berjaya gagal memberikan perkhidmatan yang memuaskan, Kerajaan Malaysia berhak memberi notis secara bertulis dalam masa 30 hari (tanpa apa-apa pampasan) atau notis 24 jam dengan pengecualian sewa bagi bulan notis dikeluarkan.

9. DEPOSIT CAGARAN

Penyebut Harga yang berjaya dikehendaki memberi deposit berjumlah **tiga (3) bulan kadar sewaan** premis dan bayaran sewa untuk bulan pertama melalui tunai atau bank deraf atau kiriman wang yang dibayar atas nama "**KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**".

8. POLISI INSURANS

Penyebut Harga berjaya dikehendaki untuk mengambil satu polisi insurans dengan perbelanjaan sendiri daripada syarikat insurans yang diperakui iaitu Polisi Insurans Ganti Rugi Pekerja dengan Endorsement A dan B (Workmen's Compensation Insurance with Endorsement 'A' and 'B') dan Polisi Insurans Tanggungan Awam.

9. AKTA-AKTA YANG BERKAITAN

Penyebut Harga adalah diingat supaya memberi perhatian mengenai:

- i) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA)
- ii) Peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Pendaftaran Buruh) 1960 (Pindaan) 1976
- iii) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983
- iv) Akta Dadah Berbahaya 1952
- v) Akta Dadah Berbahaya Langkah-langkah Pencegahan Khas 1982

10. PEKERJA

Penyebut Harga hendaklah menyatakan dalam **LAMPIRAN K8** jumlah pekerja-pekerja yang akan digunakan termasuk pembahagian pekerja lelaki dan wanita bagi mengendalikan kontrak ini. Jumlah hendaklah berpadanan dengan bebanan kerja yang akan dijalankan.

11. KONTRAK

Penyebut Harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan Kerajaan Malaysia (jika perlu) dan dikehendaki membayar ganti rugi jika tidak mematuhi kontrak. Sebarang tuntutan kepada syarat Sebut Harga hendaklah dibuat semasa mengemukakan Sebut Harga. Syarat Sebut Harga ini dan spesifikasi perkhidmatan adalah saling mengikat Penyebut Harga yang berjaya sementara menunggu kontrak rasmi ditandatangani.

12. PENILAIAN HARGA

- 12.1 Antara kriteria pemilihan sebut harga adalah berasaskan kepada tawaran nilai sewaan dan tawaran harga di dalam jadual kadar harga makanan dan minuman.
- 12.2 Bagi memudahkan penilaian Sebut Harga, Operator **DIWAJIBKAN MENGISI KESEMUA** harga makanan dan minuman seperti yang disenaraikan di Jadual Kadar Harga Makanan dan Minuman (**LAMPIRAN T1**) yang dilampirkan mengikut pemilihan gerai (No.1-No.7) bagi menjalankan urusan pengendalian kafetaria. Penyebut Harga yang tidak mematuhi syarat ini berkemungkinan tidak akan dipertimbangkan.
- 12.3 Penyebut harga HANYA dibenarkan untuk memilih satu gerai sahaja.
- 12.4 Selain daripada wajib mengisi tawaran harga di Dalam Jadual Kadar Harga Makanan dan Minuman (**LAMPIRAN T1**), bagi tujuan penilaian Sebut Harga.

- 12.5 Semua tawaran harga yang dikemukakan hendaklah dinyatakan dalam angka yang tepat di dalam **Ringgit Malaysia**. Harga ini mestilah tidak kurang daripada **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga atau satu tempoh lanjutan sah laku tawaran.
- 12.6 Tawaran harga yang dikemukakan dinyatakan dalam angka yang tepat. Sekiranya terdapat masalah berhubung dengan harga, maka harga seunit tiap-tiap butiran akan diambil kira.
- 12.7 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah **tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup** dan akan berkuat kuasa selama dalam tempoh sah laku. Sebarang tuntutan kenaikan harga bagi perkhidmatan dalam jangka masa sah laku dokumen sebut harga tidak akan dilayan.
- 12.8 Kementerian Wilayah Persekutuan tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang tertinggi, terendah atau mana-mana Sebut Harga.

13. KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

Tiap-tiap Penyebut Harga dikehendaki mengisi borang keterangan mengenai Penyebut Harga (**LAMPIRAN K2**) dan borang ini hendaklah dikembalikan bersama tawaran.

14. HAK KERAJAAN MENERIMA ATAU MENOLAK DOKUMEN SEBUT HARGA

- 14.1 Kerajaan berhak menerima atau menolak mana-mana Dokumen Sebut Harga dan membatalkan proses sebut harga dan menolak semua Dokumen Sebut Harga pada bila-bila masa sebelum kontrak diberikan tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada penyebut harga yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak Kerajaan untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada penyebut harga yang terlibat.
- 14.2 Pihak Kerajaan adalah berhak mempersetujui nilai sebut harga sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barang sebut harga.
- 14.3 Pertimbangan sebut harga ini adalah berdasarkan tawaran teknikal, harga tawaran dan keupayaan penyebut harga serta lain-lain faktor yang difikirkan sesuai iaitu:
 - a) Kerajaan tidak terikat untuk menawarkan kontrak kepada penyebut harga yang menawarkan harga terendah;
 - b) Keputusan Kerajaan adalah muktamad; dan
 - c) Kerajaan tidak diperlukan untuk memberi sebab penolakan mana-mana Sebut harga.

15. PEMBERITAHUAN TAWARAN (NOTIFICATION OF AWARD) DAN KONTRAK

- 15.1 Kerajaan akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima kepada penyebut harga yang berjaya dalam tempoh tujuh (7) hari apabila dokumen sebut harganya dipersetujui dalam jangka masa sah laku Dokumen Sebut Harga atau jangka masa tambahan yang terlibat. Penyebut Harga yang berjaya dipilih mestilah menandatangani Surat Setuju Terima, Dokumen Perjanjian dan mengemukakan **deposit sewaan bersamaan dengan tiga (3) bulan sewa dan satu (1) bulan bayaran sewa** dalam masa yang ditetapkan di dalam borang Sebut Harga. Tempoh menandatangani perjanjian ini boleh dilanjutkan jika pegawai yang berkuasa bersetuju bahawa ada sebab-sebab munasabah untuk berbuat demikian.
- 15.2 Notis itu mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat atau sebagai pengubahsuai syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini. Oleh yang demikian Dokumen Sebut Harga itu tidaklah boleh disifatkan sebagai dipersetujui sehingga pengesahan bertulis daripada penyebut harga menyatakan bahawa syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai itu telah di setuju terima.
- 15.3 Apabila dipersetujui maka suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat antara pihak Kerajaan dengan penyebut harga mengikut syarat-syarat kontrak yang dilampirkan (termasuk syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai yang tersebut di atas, jika ada) dan tidak ada sebarang perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak ini.
- 15.4 Tempoh kontrak adalah bermula daripada tarikh tandatangan Surat Setuju Terima sehingga dua puluh empat (24) bulan selepas itu. Kerajaan adalah berhak menentukan tempoh kontrak yang sebenarnya jika didapati perlu berbuat demikian.
- 15.5 Syarat-syarat dalam sebut harga ini dan Surat Setuju Terima adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.
- 15.6 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menyediakan lima (5) salinan dokumen kontrak. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menjilid dokumen ini dengan jilidan kekal seperti "*Hard Cover Binding*" dengan kulit sekurang - kurangnya daripada "*Art Card 230gsm*". Kesemua salinan dokumen kontrak juga hendaklah diletakkan setem dan dimaterikan setem di Pejabat Setem. Semua kos yang terlibat akan ditanggung Penyebut harga.

16. IKLAN

Tiada maklumat berkenaan sebut harga atau kontrak ini boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan / media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

17. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

17.1 *Integrity Pact* dilaksanakan bertujuan untuk :

- a) Mengelak penender / penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah;
- b) Menghendaki penender / penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
- c) Memastikan Kerajaan tidak menanggung “*unnecessary costs*” dalam pelaksanaan urusan perolehan.

17.2 *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan terdiri daripada unsur-unsur penting seperti berikut :

- a) Penyebut harga menerima **pelawaan rasmi** untuk **menyertai tender / sebut harga** bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja;
- b) Penyebut harga membuat **akuan** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana pihak untuk mendapatkan atau mengekalkan sesuatu kontrak berkaitan perolehan Kerajaan;
- c) Penyebut harga mewujudkan “**Code of Conduct**” bagi membentras gejala rasuah dan perlakuan tidak beretika di kalangan kakitangan syarikat serta mengadakan **program pematuhan “Code of Conduct”** untuk semua kakitangan syarikat; dan
- d) Penyebut harga yang berjaya mestilah mematuhi **perjanjian kontrak** yang mengandungi Klausu Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan seperti yang diedarkan oleh Jabatan Peguam Negara melalui surat bil. PN(ADV)188 jld.5 bertarikh 24 Jun 2008.

17.3 Kaedah Pelaksanaan *Integrity Pact*

Peringkat Pertama - Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh penyebut harga

- a) Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di **LAMPIRAN K12**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.

Peringkat Kedua - Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh penyebut harga

- b) Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di **LAMPIRAN K13**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima.

Peringkat Ketiga - Menandatangani perjanjian berkaitan perolehan Kerajaan yang mengandungi Klausus Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan

- c) Agensi Kerajaan hendaklah memastikan teks perjanjian berkaitan perolehan Kerajaan yang hendak ditandatangani dengan pembida mengandungi Klausus Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan seperti yang diedarkan oleh Jabatan Peguam Negara melalui surat edaran bil. PN(ADV) 188 Jld. 5 bertarikh 24 Jun 2008. Agensi hendaklah memberi penekanan kepada pembida mengenai tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku sebarang pelanggaran ke atas klausus tersebut.

18. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 18.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 18.2 Sekiranya mana-mana pihak menawar atau memberi apa-apa suapan kepada anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegahan Rasuah atau Balai Polis yang berhampiran.

Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

- 18.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Operator atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 18.4 Mana-mana Operator atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang di bekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

19. PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian terbit di antara Kerajaan dengan Penyebut harga mengenai pentafsiran, pengertian atau kuat kuasa Perjanjian, atau hak dan tanggung pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali jika selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Kerajaan dengan Penyebut harga, dirujukkan kepada penimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh Kerajaan dan seorang oleh Penyebut harga, dan atur cara timbang tara itu adalah seperti diperuntukkan di dalam Akta Timbangtara 1952.

20. UNDANG-UNDANG

Sebut harga ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia.

21. MAKLUMAT TAMBAHAN

Sebarang maklumat tambahan mengenai aspek teknikal hendaklah dirujuk kepada:

**Seksyen Pentadbiran Am,
Kementerian Wilayah Persekutuan,
Aras 1, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 Putrajaya.**

Nombor Telefon : **03-8889 7846/ 7847/ 7902/ 7839**
Nombor Faks : **03-8889 7922/ 7961**
Emel : **sebutharga@kwp.gov.my**

DOKUMEN NO. 3

SPESIFIKASI DAN SKOP PERKHIDMATAN

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

A. Peranan dan Tanggungjawab

- 1.0 Operator dikehendaki menyediakan perkhidmatan kafeteria yang berkualiti dalam aspek-aspek berikut:
- i) Rekod perkhidmatan;
 - ii) Sistem kawalan pemantauan;
 - iii) Nilai tambah perkhidmatan ditawarkan;
 - iv) Tahap kewangan syarikat;
 - v) Sistem pengurusan aduan pelanggan; dan
 - vi) Kesediaan menyediakan perkhidmatan katering untuk mesyuarat / majlis-majlis anjuran Jabatan/Agenzi penghuni.
- 1.1 Terdapat **tujuh (7) unit kafeteria sedia ada di Aras CA, Kementerian Wilayah Persekutuan, Blok 2, Menara Sri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya** yang perlu diusahakan untuk kemudahan semua kakitangan Jabatan/Agenzi penghuni di bangunan tersebut.
- 1.2 **Tujuh (7) unit** kafetaria hendaklah dibuka dan beroperasi selama **8 jam sehari** dan **lima (5) hari seminggu**. **Operasi kafetaria ialah** secara model "*Food Court*". Sebarang penutupan lot/premis perniagaan perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan KWP.
- 1.3 Peralatan Katering
- a) Peralatan
- Operator dibenarkan membawa peralatan baru/tambahan secara sendiri atau untuk tujuan pelaburan dengan mendapat persetujuan KWP. Peralatan tambahan hendaklah bertujuan bagi meningkatkan kecekapan operasi.
- b) **"Consumable"**
- Operator hendaklah menyediakan kemudahan bagi kegunaan keseluruhan operasi seperti barang pakai-habis "*disposable*" dan katering.
- 1.4 Katering untuk Majlis Rasmi
- (a) Menerima tempahan bagi majlis-majlis rasmi seperti keraian, persidangan, seminar, dan mesyuarat-mesyuarat yang diadakan oleh KWP, jika diperlukan.

- (b) Bermampuan menyediakan pelbagai jenis hidangan yang ditempah, peralatan/kemudahan termasuk kakitangan penyediaan dan pramusaji berhubung perkara 1.4 (i).

1.5 Pekerja

Operator dikehendaki:

- Menyediakan pekerja yang mencukupi bagi operasi kafeteria.
- Memastikan pekerja sentiasa memamerkan pas keselamatan.
- Menjamin tahap kesihatan pekerja yang memuaskan dengan mendapat pengakuan oleh Pegawai Perubatan yang berkelayakan sebelum berkhidmat dan telah mendapat suntikan tifoid.
- Menjamin perkhidmatan yang diberikan berbentuk profesional, berpakaian segak, bersih, tingkah laku sopan dan mesra serta berhemah tinggi.
- Mengambil pekerja yang berkebolehan dan mampu menjalankan operasi sajian dengan cemerlang.
- Menentukan bilangan pekerja adalah mencukupi bagi menjalankan tugas, terutamanya pada waktu puncak.

1.6 Hidangan

- Memastikan makanan disediakan, dimasak dengan sempurna dan disajikan dengan mengambil kira aspek kesihatan dan kebersihan sebagaimana ditetapkan dalam kod amalan kebersihan makanan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Memastikan dan mengambil kira ‘nilai-tambah’ supaya ianya terhidang secara menarik dan menyelerakan
- Memberi jaminan makanan yang disajikan terdiri daripada jenis yang pelbagai, berkhasiat, dan enak.
- Harga bagi setiap hidangan makanan perlulah berpatutan dan dipersetujui oleh KWP dan dipamerkan dengan jelas untuk pengetahuan pengguna.
- Minuman keras dan rokok tidak dibenarkan dijual.

1.7 Peralatan

- Menyediakan peralatan hidangan/ sajian yang mencukupi seperti sudu, garpu, pinggan, mangkuk, cawan dan sebagainya.

- Menyediakan peralatan sajian “pakai-buang” bagi memudahkan pelanggan membawa keluar makanan dan minuman dari kafeteria.
- Menyediakan segala peralatan memasak, pinggan mangkuk dan kelengkapan lain dan yang difikirkan sesuai dengan perbelanjaan sendiri.

1.8 Pembersihan dan pembuangan

- Memastikan sisa dan bahan buangan di dalam premis diuruskan secara berkesan dan selamat dengan perbelanjaan sendiri.
- Memastikan keadaan premis kafeteria sentiada berada dalam keadaan bersih dan higenik
- Memastikan kawasan penerimaan bahan mentah/makanan berkeadaan bersih, tidak terhalang dan terbuka kepada padangan luar.
- Memastikan bahawa semua bahan buangan dan sampah sarap dibawa dari kawasan kafeteria dan dapur-dapur berkaitan ke tempat yang ditentukan dan dibenarkan, untuk proses pembuangan.

1.9 Latihan kepada Pekerja

Operator dikehendaki melatih kakitangan operasi bagi jenis-jenis servis yang akan dijalankan, termasuk pengendalian peralatan berkenaan.

1.10 Akta

Operator perlu mematuhi semua akta, “*by-laws*” dan peraturan-peraturan yang dikenakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan yang berkaitan dengan operasi servis makanan termasuk syarat-syarat yang ditetapkan oleh KWP.

1.11 “*Limitation of contractors*”

- a) tidak menjual rokok dan dilarang menghisap rokok atau membenarkan orang lain merokok di dalam ataupun berdekatan premis dan ruang niaga tersebut.
- b) tidak dibenarkan membawa orang luar kecuali pekerja bagi menjalankan operasi.
- c) tidak dibenarkan untuk mencacat, memotong atau merosakkan mana-mana bahagian dinding atau lantai urus niaga dan berbuat apa-apa perubahan susunan dalaman atau luar ruang premis tanpa kebenaran KWP.

1.12 Spesifikasi Umum

a. Kehadiran Mesyuarat

Operator adalah dikehendaki menghadiri mesyuarat-mesyuarat tertentu sekiranya diarahkan oleh KWP atau wakilnya berkaitan perkhidmatan kafeteria yang dijalankan.

b. Harga Sewaan

Penyebut Harga hendaklah membida harga sewaan. Sewaan adalah termasuk bayaran air, elektrik, *Natural Gas* dan *Gas District Cooling*. Bayaran sewaan perlu dijelaskan sebelum **14 haribulan pada tiap-tiap bulan**.

Operator perlu menjelaskan wang deposit sewaan bersama **tiga (3) bulan kadar sewaan** dan **satu bulan bayaran sewa**. Deposit akan dipulangkan apabila kontrak tamat setelah mengambil kira kos-kos kerosakan yang perlu dibayar.

c. Tempoh Perkhidmatan

Tempoh perkhidmatan kafeteria adalah selama dua (2) tahun dari tarikh tawaran yang dikeluarkan tertakluk kepada pindaan dan kelulusan pihak KWP.

d. Penetapan Harga Makanan

Operator perlu mengikut harga tawaran yang dinyatakan di dalam borang Sebut Harga. **Harga makanan wajib** dipamerkan bagi kemudahan pelanggan dan sebarang kenaikan harga hendaklah mendapat kelulusan KWP.

e. Lesen Perniagaan

Sebaik sahaja ditawarkan, operator perlu memohon dan mendapatkan lesen perniagaan dengan perbelanjaan sendiri daripada Perbadanan Putrajaya sebelum menjalankan perniagaan.

f. Bidang Perniagaan

Bidang perniagaan kafeteria adalah menjual makanan dan minuman sahaja kecuali untuk ruang niaga. Sila rujuk kepada Perenggan **B (Model Pengurusan)**.

g. Penambahan Syarat Sewaan dari Semasa ke Semasa

KWP dari semasa ke semasa boleh menambah atau meminda syarat-syarat perkhidmatan mengikut keperluan dan peraturan/undang-

- undang semasa sekiranya terdapat keperluan mengenainya. Operator akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum ia dikuatkuasa.
- h. Menu Rakyat 1 Malaysia

Operator digalakkan menyediakan **sekurang-kurangnya satu (1) Menu Rakyat 1 Malaysia** bagi setiap premis dengan kadar makanan seperti berikut:

Sarapan pagi : RM2.00
Makan tengah hari : RM4.00

Makanan yang disediakan imesti seimbang, bersih, berkhasiat dan berkualiti. Set menu tersebut termasuk dengan makanan dan minuman

B. Model Pengurusan

2.0 Kafeteria yang ditawarkan perlu menguruskan tujuh (7) unit lot sedia ada dengan penetapan konsep perkhidmatan wajib mengikut gerai pilihan seperti berikut:

- | | | |
|----|-------------|-----------------------------|
| a) | Gerai No. 1 | Roti canai |
| b) | Gerai No. 2 | Menu western |
| c) | Gerai No. 3 | Aneka Mi |
| d) | Gerai No. 4 | Aneka Kuih Muih |
| e) | Gerai No. 5 | Lontong Biasa / Nasi Himpit |
| f) | Gerai No. 6 | Nasi Ayam |
| g) | Gerai No. 7 | Aneka Sup |

2.1 Operator hendaklah melantik Pengurus / Penyelia yang cekap dan mahir bagi penyeliaan semua aktiviti operasi yang dijalankan yang mempunyai kuasa untuk menerima dan mematuhi arahan daripada pihak KWP.

2.2 Operator hendaklah menguruskan sendiri kafetaria. **Penyewaan kepada pihak ketiga tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kelulusan KWP.**

2.3 Penyelenggaran Peralatan

Operator hendaklah berkerjasama dengan syarikat pengurusan fasiliti bangunan dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi mengatur jadual pemeriksaan servis, aktiviti-aktiviti tertentu dalam usaha mencegah berlaku kerosakan peralatan dan perlu hadir ketika aktiviti pemeriksaan, servis dan sebagainya.

2.4 Penyediaan dan Sajian Makanan

- a) Kerja-kerja memasak makanan sahaja dibenarkan di premis kafeteria seperti membakar dan menggoreng ikan, memasak lauk atau sayur **sementara kerja-kerja penyediaan makanan seperti memotong, membersih, menyiang bahan masakan seperti ayam, ikan, daging tidak dibenarkan sama sekali.**

- b) Memastikan bahawa makanan yang dijual telah dimasak dengan sempurna dan disajikan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebersihan seperti mana terdapat pada kod amali Kebersihan Makanan yang dikeluarkan.
- c) Memastikan bahawa nilai estetika diambil kira dalam penyediaan dan sajian makanan supaya terhidang secara menarik dan menyelerakan.
- d) Menjamin perkhidmatan yang diberikan adalah berbentuk profesional, berpakaian segak, tingkah laku sopan dan sentiasa mesra serta berhemah tinggi.
- e) Menjamin makanan yang disajikan adalah pelbagai jenis, berkhasiat dan dengan kadar harga yang ditetapkan di dalam dokumen sebut harga.
- f) Mengambil pekerja yang berkebolehan dan mampu menjalankan operasi sajian dengan cemerlang.
- g) Menentukan bahawa jumlah pekerja adalah mencukupi bagi menjalankan tugas, terutamanya di waktu puncak.

2.5 Program penentuan kualiti

- a) Menjalankan kajian sekurang-kurangnya 2 kali setahun bagi menentukan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan di samping mengambil inisatif tertentu untuk mamperbaiki perkhidmatan tersebut.
- b) Menjayakan program-program penentuan kualiti (QA) yang dijalankan secara bersama dengan KWP.
- c) KWP berhak menjalankan pemeriksaan bersendirian atau dengan kehadiran agensi penguat kuasa yang berkaitan secara mengejut ke atas setiap premis bagi memastikan kualiti dioptimumkan baik dari segi aspek kebersihan / keselamatan / pengurusan.

LAMPIRAN

JADUAL KADAR HARGA

GERAI 1 :

- a) Menu Utama (Wajib) : **Roti Canai**

BIL	MENU	KUANTITI/SAIZ	HARGA (RM)
1.	Roti Canai	1 keping	
2.	Roti Telur	1 keping	
3.	Roti Sardin	1 keping	
4.	Roti Tisu	1 keping	
5.	Roti Bawang	1 keping	
6.	Martabak	1 keping	

- b) Menu Tambahan :

BIL	MENU	KUANTITI/SAIZ	HARGA (RM)
ANEKA NASI			
1.	Nasi Lemak	1 pinggan	
2.	Nasi Beriyani	1 pinggan	
3.	Nasi Dagang	1 pinggan	
4.	Nasi Kerabu	1 pinggan	
5.	Nasi Tomato	1 pinggan	
6.	Nasi Putih	1 pinggan	
NASI GORENG			
7.	Nasi Goreng Biasa	1 pinggan	
8.	Nasi Goreng Ayam	1 pinggan	
9.	Nasi Goreng Cendawan	1 pinggan	
10.	Nasi Goreng Cina	1 pinggan	
11.	Nasi Goreng Daging Merah	1 pinggan	
12.	Nasi Goreng Ikan Masin	1 pinggan	
13.	Nasi Goreng Kampung	1 pinggan	
14.	Nasi Goreng Kerabu	1 pinggan	
15.	Nasi Goreng Paprik	1 pinggan	
16.	Nasi Goreng Pattaya	1 pinggan	
17.	Nasi Goreng USA	1 pinggan	
LAUK PAUK (AYAM)			
18.	Ayam Goreng	1 ketul	
19.	Ayam Masak Kari	1 ketul	
20.	Ayam Masak Kacip	1 ketul	
21.	Ayam Masak Lemak	1 ketul	
22.	Ayam Masak Sambal	1 ketul	
23.	Ayam Masak Kurma	1 ketul	
24.	Ayam Rendang	1 ketul	
25.	Ayam Masala	1 ketul	
LAUK PAUK (DAGING)			
26.	Daging Goreng	1 ketul	
27.	Daging Masak Kari	1 ketul	
28.	Daging Masak Kicap	1 ketul	
29.	Daging Masak Kurma	1 ketul	
30.	Daging Masak Rendang	1 ketul	
31.	Daging Masak Sambal	1 ketul	
LAUK PAUK (IKAN)			
32.	Ikan Masak Asam Pedas	1 ekor	
33.	Ikan Keli Goreng	1 ekor	

34.	Ikan Keli Goreng Bercili	1 ekor	
35.	Ikan Masak Kari	1 ekor	
36.	Ikan Masak Lemak	1 ekor	
37.	Ikan Masak Teow Chew	1 ekor	
38.	Ikan Sardin Masak Sambal	1 ekor	
LAUK PAUK (SOTONG/UDANG)			
39.	Sambal Kerang	1 senduk	
40.	Sambal Udang Petai	1 senduk	
41.	Sambal Sotong	1 senduk	
LAUK PAUK (SAYUR)			
42.	Kacang Goreng	1 senduk	
43.	Kangkung / Bayam Goreng	1 senduk	
44.	Kubis Goreng	1 senduk	
45.	Pajeri Nanas	1 senduk	
46.	Pajeri Terung	1 senduk	
47.	Pucuk Paku	1 senduk	
48.	Tempe Goreng	1 senduk	
49.	Ubi Kentang Goreng	1 senduk	
50.	Ubi Kentang Sambal	1 senduk	
LAUK PAUK (TELUR)			
51.	Telur Ayam Sambal	1 biji	
52.	Telur Dadar	1 bahagian	
53.	Telur Itik	1 biji	
54.	Telur Masin	½ biji	
55.	Telur Mata Kerbau	1 biji	
56.	Telur Puyuh Sambal	4 biji	
LAIN-LAIN			
57.	Bergedel Ayam	1 ketul	
58.	Bergedel Daging	1 ketul	
59.	Hati Masak Rempah	1 ketul	
60.	Limpa Masak Rempah	1 senduk	
61.	Paru Goreng	1 senduk	
62.	Paru Sambal	1 senduk	
63.	Sambal Petai	1 senduk	
64.	Ulam-Ulaman	1 senduk	
BUAH-BUAHAN			
65.	Nanas	1 potong (150g)	
66.	Betik	1 potong (150g)	
67.	Tembikai	1 potong (150g)	
68.	Tembikai Susu	1 potong (150g)	
69.	Pisang	1 biji (100g)	
70.	Epal	1 biji	
71.	Nangka	1 plastik (150g)	
72.	Jambu Batu	1 plastik (150g)	

**** Nota :**

Ukuran pinggan – 9"

Berat bagi 1 ekor / 1 ketul ikan – 150g

Berat bagi 1 ketul ayam – 180g-200g

Berat bagi 1 ketul daging – 150g

Berat bagi udang / sotong / kerang – 150g

Senduk mengikut ukuran – senduk nasi

Harga bagi ikan adalah mengikut jenis/kelas ikan :

Kelas 1 & 2

- Ikan Kurau
- Ikan Kerapu
- Ikan Tenggiri
- Ikan Bawal Hitam
- Ikan Bawal Putih

- Ikan Merah
- Ikan Jenahak
- Ikan Senangin
- Ikan Nyior-Nyior

Kelas 3

- Ikan Kembong
- Ikan Selar
- Ikan Kerisi
- Ikan Pelata
- Ikan Tongkol
- Ikan Sardin
- Ikan Cencaru
- Ikan Cermin
- Ikan Gelama
- Ikan Kacang

c) Cadangan Menu Operator:

BIL	MENU	KUANTITI/SAIZ	HARGA (RM)
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			
11.			
12.			
13.			
14.			
15.			
16.			
17.			
18.			
19.			
20.			

d) Minuman :

BIL	JENIS MINUMAN	KUANTITI/SAIZ	HARGA (RM)	
	MINUMAN PANAS		'O'	SUSU
1.	Teh	1 cawan		
2.	Kopi	1 cawan		
3.	Horlick	1 cawan		
4.	Milo	1 cawan		
5.	Nescafe	1 cawan		
6.	Lain-lain (Nyatakan)	1 cawan		
MINUMAN SEJUK			'O'	SUSU
7.	Teh	1 gelas		
8.	Kopi	1 gelas		
9.	Horlick	1 gelas		
10.	Milo	1 gelas		
11.	Nescafe	1 gelas		

12.	Lain-lain (Nyatakan)	1 gelas		
	MINUMAN BERKARBONAT			
13.	7 UP / Coca-Cola / Orange / Pepsi / Strawberry	1 gelas		
	JUS / AIR BUAH-BUAHAN		PANAS	SEJUK
14.	Oren	1 gelas		
15.	Epal	1 gelas		
16.	Jambu Batu	1 gelas		
17.	Mangga	1 gelas		
18.	Belimbing	1 gelas		
19.	Tembikai	1 gelas		
20.	Tembikai Susu	1 gelas		
21.	Tebu	1 gelas		
22.	Nanas	1 gelas		
23.	Soya	1 gelas		
	MINUMAN BOTOL / TIN / KOTAK		BOTOL	TIN
24.	100 Plus			
25.	Diet Coke / Pepsi / Oren / Strawberry / Soya Bean / Cincau			
			TIN	KOTAK
26.	Chrysanthemun Tea / Lychee / Apple / Milo / Nescafe / Soya Bean / White Coffee / Grenn Tea			
	AIR MINERAL		BOTOL	
27.	Local Mineral Water	1 liter		
28.	Local Mineral Water	500 ml		

** Nota :

Ukuran cawan – 8 oz (kandungan air)

Ukuran gelas – 12 oz (kandungan air)

GERAI 2 :

a) Menu Utama (Wajib) : Western

BIL	MENU	KUANTITI/SAIZ	HARGA (RM)
1.	Grill Chicken	1 pinggan	
2.	Grill Lamb Chop	1 pinggan	
3.	Golden Fried Chicken Chop	1 pinggan	
4.	Lamb Chop	1 pinggan	
5.	Grill Sirlion	1 pinggan	
6.	Grill Rib-Eye	1 pinggan	
7.	Grill Fish (Lemon Sauce)	1 pinggan	
8.	Fish N Chip	1 pinggan	
9.	Grill Salmon (Lemon Sauce)	1 pinggan	
10.	Mix Grill (Lamb, Beef & Chicken)	1 pinggan	
11.	Grill King of Prawn	1 pinggan	
12.	Spaghetti Bolognaise	1 pinggan	
13.	Spaghetti Carbonara	1 pinggan	
14.	Spaghetti Oglio Olio	1 pinggan	
15.	Ceaser Salad	1 pinggan	
16.	Cream of Mushroom Soup	1 mangkuk sup	
17.	French Fries	1 piring oval	
18.	Beef / Chicken Burger Special	1 pinggan	
19.	Hot Dong Special	1 pinggan	

** Nota :

Ukuran pinggan – 10"

Ukuran piring oval – 8"

Ukuran mangkuk – 7.5"

Ukuran mangkuk sup – 4.5"

b) Menu Tambahan :

BIL	MENU	KUANTITI/SAIZ	HARGA (RM)
ANEKA NASI			
1.	Nasi Lemak	1 pinggan	
2.	Nasi Beriyani	1 pinggan	
3.	Nasi Dagang	1 pinggan	
4.	Nasi Kerabu	1 pinggan	
5.	Nasi Tomato	1 pinggan	
6.	Nasi Putih	1 pinggan	
NASI GORENG			
7.	Nasi Goreng Biasa	1 pinggan	
8.	Nasi Goreng Ayam	1 pinggan	
9.	Nasi Goreng Cendawan	1 pinggan	
10.	Nasi Goreng Cina	1 pinggan	
11.	Nasi Goreng Daging Merah	1 pinggan	
12.	Nasi Goreng Ikan Masin	1 pinggan	
13.	Nasi Goreng Kampung	1 pinggan	
14.	Nasi Goreng Kerabu	1 pinggan	
15.	Nasi Goreng Paprik	1 pinggan	
16.	Nasi Goreng Pattaya	1 pinggan	
17.	Nasi Goreng USA	1 pinggan	
LAUK PAUK (AYAM)			
18.	Ayam Goreng	1 ketul	
19.	Ayam Masak Kari	1 ketul	
20.	Ayam Masak Kacip	1 ketul	
21.	Ayam Masak Lemak	1 ketul	
22.	Ayam Masak Sambal	1 ketul	
23.	Ayam Masak Kurma	1 ketul	
24.	Ayam Rendang	1 ketul	
25.	Ayam Masala	1 ketul	
LAUK PAUK (DAGING)			
26.	Daging Goreng	1 ketul	
27.	Daging Masak Kari	1 ketul	
28.	Daging Masak Kicap	1 ketul	
29.	Daging Masak Kurma	1 ketul	
30.	Daging Masak Rendang	1 ketul	
31.	Daging Masak Sambal	1 ketul	
LAUK PAUK (IKAN)			
32.	Ikan Masak Asam Pedas	1 ekor	
33.	Ikan Keli Goreng	1 ekor	
34.	Ikan Keli Goreng Bercili	1 ekor	
35.	Ikan Masak Kari	1 ekor	
36.	Ikan Masak Lemak	1 ekor	
37.	Ikan Masak Teow Chew	1 ekor	
38.	Ikan Sardin Masak Sambal	1 ekor	
LAUK PAUK (SOTONG/UDANG)			
